

**PERUBAHAN PENDAPATAN DAN
PERBELANJAAN KESAN DARIPADA PROGRAM
PEMBANGUNAN KERAJAAN DI KAWASAN
MASYARAKAT PESISIR PANTAI DAERAH
BESUT, TERENGGANU**

WAN NORLAILI BINTI W MOHD NOOR

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2012



PERUBAHAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN KESAN DARIPADA
PROGRAM PEMBANGUNAN KERAJAAN DI KAWASAN MASYARAKAT
PESISIR PANTAI DAERAH BESUT, TERENGGANU

WAN NORLAILI BINTI W MOHD NOOR



TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA EKONOMI (EKONOMI PEMBANGUNAN)
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2012





PENGAKUAN

Saya akui tesis ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber yang telah saya jelaskan rujukannya melalui senarai rujukan yang telah dilampirkan.

18 Disember 2012

.....
WAN NORLAILI BT W MOHD NOOR
M20072000648





UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
الجامعة الوطنية
للتعليم

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

UPSII/IPS-3/BO 31
Pind.: 00 m/s: 1/1

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title:

Perubahan Pendapatan dan Perbelanjaan Kesan
Daripada Program Pembangunan Kerajaan Di Kawasan
Masyarakat Pesisir Pantai Daerah Besut, Terengganu

No. Matrik / Matric's No.:

M20072000648

Saya / I:

Wan Norlaili Binti W Mehd Noor

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini
disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat
kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran
antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori
TIDAK TERHAD.
The Library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan
Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh
organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains
restricted information as specified by the organization where research
was done.

☒**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

Dr. Nôrasibah Abdul Jalil

Ketua Jabatan Ekonomi

Fakulti Pengurusan & Ekonomi

Universiti Pendidikan Sultan Idris

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 11 April 2013

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan
dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and
reasons for confidentiality or restriction.

Dilampirkan bersama di dalam Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (jilid keras), selepas lampiran Pengakuan





PENGHARGAAN

Alhamdulillah, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana berkat limpah kurniaNya akhirnya dapat saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya.

Jutaan penghargaan dan terima kasih khasnya buat penyelia yang dihormati, Dr. Norasibah binti Abdul Jalil yang telah banyak berkorban masa dan tenaga dalam memberi nasihat dan tunjuk ajar serta dorongan dalam proses untuk menyiapkan tesis ini. Tidak lupa juga buat pensyarah-pensyarah di Jabatan Ekonomi yang telah banyak memberi ilmu dan tunjuk ajar di sepanjang pengajian saya di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Sesungguhnya segala nasihat dan bimbingan kalian akan saya jadikan panduan dalam meniti cabaran kehidupan yang mendatang.

Teristimewa buat ibu bapa tercinta, Encik Wan Mohd Noor b Wan Mahmood dan Puan Sakila binti Awang serta keluarga saya kerana berkat dorongan dan sokongan mereka akhirnya saya berjaya menamatkan pengajian dan kajian yang dilakukan. Akhir sekali, tidak lupa buat rakan-rakan seperjuangan yang turut memberi sokongan dan bersama-sama berusaha menyiapkan tesis. Segala sokongan kalian dan kenangan manis sepanjang di Universiti Pendidikan Sultan Idris akan dikenang buat selama-lamanya. Harapan saya, dengan adanya tesis ini dapatlah membantu dan menjadi bahan rujukan kepada pihak-pihak yang memerlukan sumber rujukan.

Sekian, terima kasih.

Wan Norlaili binti W Mohd Noor
Ijazah Sarjana Ekonomi (Ekonomi Pembangunan)
E-mail: wan_norlaili@yahoo.com





ABSTRAK

Negeri Terengganu dikenali sebagai sebuah negeri pesisir pantai yang mempunyai keunikan tersendiri. Namun, mereka ini masih mundur berbanding dengan masyarakat di tanah besar. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sumber dan tingkat pendapatan, mengkaji sumber dan corak perbelanjaan serta menilai keberkesanan program pembangunan kerajaan ke atas komuniti pesisir pantai di Besut, Terengganu. Bagi mendapatkan kedudukan sebenar tingkat pendapatan dan corak perbelanjaan masyarakat pesisir pantai, kajian ini telah menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian dan menggunakan responden seramai 275 orang. Data primer di gunakan dalam kajian ini sebagai sumber utama. Pengukur status sosio ekonomi komuniti setempat dalam kajian ini adalah dengan menggunakan pemboleh ubah-pemboleh ubah seperti umur, jantina, tahap pendidikan, bilangan tanggungan ahli keluarga, pendapatan dan sebagainya. Kerangka teoretikal oleh ahli-ahli ekonomi klasik seperti Adam Smith dan Robert Malthus digunapakai dan kerangka-kerangka ini memperlihatkan kaitan-kaitan awal dan teori-teori umum yang berkaitan dengan pembangunan dan kemiskinan. Analisis data terbahagi kepada analisis deskriptif / frekuensi, analisis korelasi dan analisis regresi yang menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS). Kajian ini mendapati, wujud hubungan positif di antara pemboleh ubah tingkat pendapatan dan jumlah perbelanjaan di mana semakin tinggi jumlah pendapatan, semakin tinggi perbelanjaan yang dilakukan oleh masyarakat pesisir pantai Besut. Peningkatan tingkat perbelanjaan masyarakat pesisir pantai memberi indikasi bahawa program pembangunan kerajaan negeri telah berjaya dilaksanakan. Program pembangunan kerajaan telah memberi kesan positif ke atas komuniti terutama dalam meningkatkan jumlah pendapatan isi rumah.

Kata Kunci: Program Pembangunan Kerajaan, Pendapatan, Corak Perbelanjaan, Komuniti Pesisir Pantai





EFFECTS OF CHANGES IN INCOME AND EXPENDITURE OF THE GOVERNMENT'S DEVELOPMENT PROGRAMME IN THE COASTAL COMMUNITY BESUT, TERENGGANU

ABSTRACT

Terengganu is well known as one of the most famous coastal states in Malaysia, which has its own amazing uniqueness. However, this state still having slower progression in its development compared to the other states in Malaysia. Thus, this study is carried out with the aim to identify the sources and the different levels of daily income, to analysis the sources and the pattern of expenses, and to analyse the effective of the government development programme practised by the communities in the coastal region in Besut, Terengganu. This study used questionnaires as a research instrument and the 275 respondents to get the actual position of the level of income and expenditure patterns of coastal communities. The primary data used in this research as the main source. Measure of socio-economic status of the local community in this study is to use variable such as age, gender, education level, number of dependent family members, income, etc. Theoretical framework of the classical economists such as Adam Smith and Robert Malthus used and the frame showing the initial links and general theories related to development and poverty. Based on the study, data analysis is divided into descriptive analysis / frequency, correlation analysis and regression analysis using the software Statistical Package for Social Science (SPSS). This study found that there was a positive relationship between the variable of income level and total expenditure in which the higher the income level, the higher the total expenditure level of Besut coastal society. The increase in expenditure of coastal society give indication that the state government's program of the development program were implemented successfully. Government development programs have a positive impact on the community, especially in increasing the amount of household income.

Keywords: Government Development Programme, Income, expenditure pattern, Coastal Communities



SENARAI KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
<i>DECLARATION OF THESIS SUBMISSION</i>	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
05-SENARAI KEPENDEKAN	x
SENARAI LAMPIRAN	xi

BAB 1 PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Masalah	4
1.2 Penyataan Masalah	8
1.3 Objektif Kajian	11
1.3.1 Objektif Am	11
1.3.2 Objektif Khusus	12
1.4 Hipotesis Kajian	12
1.5 Signifikasi Kajian	12
1.6 Kepentingan dan Faedah Kajian	13
1.7 Skop dan Limitasi Kajian	14
1.8 Susun Atur Bab Kajian	14
1.9 Rumusan	15

BAB 2 LATAR BELAKANG KAJIAN

2.0	Pengenalan	17
2.1	Latar Belakang Pembangunan	18
2.1.1	Latar Belakang Pembangunan Malaysia	18
2.1.1.1	Insiden Kemiskinan Malaysia	19
2.1.1.2	Kualiti Hidup Masyarakat Malaysia	22
2.1.1.3	Pendapatan dan Agihan Pendapatan	23
2.1.1.4	Sasaran Pembasmian Kemiskinan Negeri	24
2.1.1.5	Sasaran Pembasmian Kemiskinan Bandar dan Luar Bandar	26
2.1.2	Latar Belakang Pembangunan Negeri Terengganu	28
2.1.2.1	Struktur Sosioekonomi Masyarakat Negeri Terengganu	28
2.1.2.2	Struktur Pembangunan Masyarakat Negeri Terengganu	34
2.1.2.3	Corak Demografi Negeri Terengganu	35
2.1.2.4	Struktur Ekonomi Negeri Terengganu	37
2.1.2.5	Pembangunan Sumber Manusia	42
2.1.2.6	Taraf Hidup Masyarakat Negeri Terengganu	51
2.1.3	Latar Belakang Pembangunan Kawasan Pesisiran Pantai	52
2.1.3.1	Agen Pemantap Ekonomi Pesisir Pantai	52
2.1.3.2	Kemiskinan dan Agihan Pendapatan Kawasan Pesisir Pantai Besut	55
2.2	Takrifan	58
2.2.1	Pendapatan Garis Kemiskinan Lama (2002)	59
2.2.2	Pendapatan Garis Kemiskinan Baru (2009)	60
2.3	Rumusan	62

BAB 3 SOROTAN LITERATUR

3.0	Pengenalan	64
3.1	Kerangka Teoretikal	65
3.2	Kajian-kajian Lepas	67
3.2.1	Kajian Luar Negara	68
3.2.2	Kajian Dalam Negara	70
3.2.3	Kajian Pembangunan	74
3.2.4	Kajian Komuniti Pesisir Pantai	86
3.3	Rumusan	94

BAB 4 METODOLOGI

4.0	Pengenalan	95
4.1	Instrumen Kajian	95
4.1.1	Borang Soal Selidik	96
4.1.1.1	Maklumat Am Mengenai Butiran Data	96
4.1.1.2	Bahagian A: Maklumat Am Responden	104
4.1.1.3	Bahagian B: Maklumat Pendapatan dan Perbelanjaan	105
4.1.1.4	Bahagian C: Pemilikan Kenderaan dan Peralatan	105
4.1.1.5	Bahagian D: Pemilikan dan Pengusahaan Tanah	106
4.1.1.6	Bahagian E: Jenis Bantuan Yang Diterima	106
4.1.2	<i>Interaction Survey Method (ISM)</i>	106
4.2	Kajian Rintis	107
4.3	Maklumat Mengenai Analisis dan Model Kajian	109
4.3.1	Model Kajian	109
4.3.2	Analisis Pertama: Analisis Deskripsi	111
4.3.3	Analisis Dua: Analisis Korelasi	112
4.3.4	Analisis Tiga : Analisis Regresi	112
4.4	Rumusan	113

BAB 5 LAPORAN DAPATAN KAJIAN

5.0	Pengenalan	114
5.1	Maklumat Am Responden dan Program Pembangunan Kerajaan	115
5.1.1	Profil Am Responden	115
5.1.2	Profil Am Jenis Bantuan Kerajaan	119
5.2	Dapatan Kajian	125
5.2.1	Analisis Sumber dan Tingkat Pendapatan Masyarakat Pesisir Pantai	126
5.2.1.1	Analisis Sumber Pendapatan	126
5.2.1.2	Analisis Tingkat Pendapatan	128
5.2.2	Analisis Corak dan Tingkat Perbelanjaan Masyarakat Pesisir Pantai	130
5.2.2.1	Analisis Corak Perbelanjaan	131
5.2.2.2	Analisis Tingkat Perbelanjaan	135
5.2.3	Analisis Keberkesanan Program Pembangunan Kerajaan	137
5.2.3.1	Purata Tingkat Pendapatan dan Perbelanjaan	137
5.2.3.2	Analisis Korelasi dan Regresi	139
5.3	Rumusan	144

**BAB 6****KESIMPULAN DAN CADANGAN KAJIAN**

6.0	Pengenalan	145
6.1	Perbincangan	146
6.2	Cadangan	148
6.3	Cadangan Pembangunan Masa Hadapan	152
6.4	Cadangan Pembangunan Belia di Dalam Aktiviti Utama	155

RUJUKAN

160

LAMPIRAN

Soal Selidik: Perubahan Pendapatan Dan Perbelanjaan Kesan Daripada Program Pembangunan Kerajaan Di Kawasan Masyarakat Pesisir Pantai Daerah Besut, Terengganu	168
---	-----



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
2.1	KNK Per Kapita, Pertumbuhan Ekonomi dan Inflasi, 1980-1994	20
2.2	Purata Pendapatan Bulanan Isi rumah dan Pekali Gini, 1990-2002	24
2.3	Kadar Kemiskinan dan Kadar Kemiskinan Tegar, 1990-2002	25
2.4	Kadar Kemiskinan dan Bilangan Isi Rumah Miskin, 1970-1995	26
2.5	Agihan Pendapatan Isi rumah Bandar dan Luar Bandar Semenanjung Malaysia, 1957-1989	27
2.6	Belanjawan Negeri Terengganu, 1996-2001 (RM Juta)	33
2.7	Taburan Peratus Penduduk, Keluasan dan Kepadatan Mengikut Daerah	36
2.8	Bilangan Penduduk Mengikut Kumpulan Umur, 2005	37
2.9	Guna Tenaga dan Kadar Pengangguran Negeri Terengganu, 1981, 1991 dan 2000	42
2.10	Agihan Peratusan Guna Tenaga Negeri Mengikut Sektor Industri, 2000 & 2020	44
2.11	Perbandingan Purata Pendapatan Isi Rumah, Pertumbuhan KDNK dan Kadar Kemiskinan, 1999 hingga 2004	47
2.12	Pendapatan dan Taraf Hidup Masyarakat Terengganu, 1990-2005	51
2.13	Kategori Kemiskinan Berdasarkan PGK (2002)	60
2.14	Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK)	61
4.1	Profil Sosial Ketua Isi Rumah (KIR) Pesisir Pantai Besut	67
4.2(a)	Profil Ekonomi Ketua Isi Rumah (KIR) Pesisir Pantai Besut	69

4.2(b)	Profil Ekonomi Ketua Isi Rumah (KIR) Pesisir Pantai Besut	70
4.3	Pemilikan Kenderaan dan Peralatan Rumah Komuniti Pesisir Pantai Sebelum dan Selepas Program Kerajaan	73
5.1	Profil Sosial Masyarakat Pesisir Pantai	115
5.2	Jenis Bantuan Yang Diterima Komuniti Pesisir Pantai Sebelum dan Selepas Program Kerajaan	120
5.3	Profil Ekonomi (Sumber Pendapatan) Masyarakat Pesisir Pantai	126
5.4	Profil Ekonomi (Pendapatan) Masyarakat Pesisir Pantai	129
5.5	Pemilikan Kenderaan dan Peralatan Rumah Komuniti Pesisir Pantai Sebelum dan Selepas Program Pembangunan Kerajaan	131
5.6	Profil Ekonomi (Tingkat Perbelanjaan) Masyarakat Pesisir Pantai	136
5.7	Pendapatan dan Perbelanjaan Sebelum dan Selepas PPK	138
5.8	Keputusan Bagi Ujian Korelasi	140
5.9	Keputusan Ujian Regresi – (Pembolehubah Bersandar = AE0)	141
5.10	Keputusan Ujian Korelasi	142
5.11	Keputusan Ujian Regresi (Pembolehubah Bersandar = AE1)	143

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
2.1	Indeks Kualiti Hidup Malaysia, 1990-2004	22
2.2	Unjuran KDNK Mengikut Industri Asal Bagi Negeri Terengganu, 2000-2020	33
2.3	Kepadatan Penduduk Terengganu, 2005	36
2.4	Kadar Pertumbuhan Penduduk Negeri Terengganu, 1921-2000	38
2.5	Piramid Penduduk Terengganu Mengikut Kumpulan Umur, 2000 dan 2020	40
2.6	Agihan Penduduk Bandar dan Luar Bandar Terengganu, 2000	41
2.7	Agihan Penduduk Bandar dan Luar Bandar Terengganu, 2020	41
2.8	Perbandingan Unjuran KDNK, 2000-2020	50
2.9	Agen Pemantap Ekonomi Komuniti Pesisir Pantai	53
2.10	Hubungan Di antara Kemiskinan dan Alam Sekitar Bagi Komuniti Pesisir Pantai	55

**SENARAI KEPENDEKAN / SINGKATAN**

AIB	Amanah Ikhtiar Berhad
AIM	Amanah Ikhtiar Malaysia
AIR	Ahli Isi Rumah
BKN	Bantuan Kewangan Negeri
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DPN	Dasar Pembangunan Negara
EPU	Unit Perancang Ekonomi
ICU	Unit Penyelarasan Pelaksanaan
IKHM	Indeks Kualiti Hidup Malaysia
JKNT	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu
KETENGAH	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KIR	Ketua Isi Rumah
KNK	Keluaran Negara Kasar
KWAMP	Kewangan Wang Pendidikan
LKIM	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
MARA	Majlis Amanah Rakyat
NGO	Badan-badan Bukan Kerajaan
NSM	Negara Sedang Membangun
P & P	Penyelidikan dan Pembangunan
PGK	Pendapatan Garis Kemiskinan
PKMD	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah
PKS	Perusahaan Kecil dan Sederhana
PMR	Program Mesra Rakyat
PPK	Program Pembangunan Kerajaan
PPRT	Projek Pembangunan Rakyat Termiskin
PPT	Perbadanan Pembangunan Terengganu
PTRM-10	Pelan Tindakan Rancangan Malaysia Ke-10
RAK	Anti Kemiskinan
RMK-6	Rancangan Malaysia Keenam
RMK-8	Rancangan Malaysia Kelapan
RMK-9	Rancangan Malaysia Kesembilan
RPD	Rancangan Pembangunan Daerah
RRJP 1	Rangka Rancangan Jangka Pendek
RRJP 2	Rangka Rancangan Jangka Panjang
RS	Rancangan Struktur
RT	Rancangan Tempatan
SERU	Unit Penyelidikan Sosio-ekonomi
SPKR	Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>
TTKR	Tabung Titian Ketidaksamaan Rakyat
UPENT	Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu
UPE	Unit Perancang Ekonomi
Y	Pendapatan



YTB

Yayasan Tekun Berhad

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A: Borang Soal Selidik

Lampiran B: Analisis Deskriptif

Lampiran C: Analisis Korelasi



BAB 1

PENDAHULUAN



Umumnya, kemiskinan merupakan salah satu masalah utama bagi Negara Sedang Membangun (NSM). Selain itu, ia merupakan salah satu indeks yang dijadikan ukuran bagi menentukan status pembangunan bagi sesebuah negara. Secara teorinya, selagi sesebuah negara dibelenggu oleh masalah kemiskinan, bermakna negara tersebut juga menghadapi masalah pengangguran, kadar kematian dan buta huruf yang tinggi. Perkara ini akan menjadi lebih buruk jika negara tersebut gagal mengawal pertumbuhan populasi, di mana dalam keadaan peluang pekerjaan yang terhad, ini akan memberi tekanan pada tingkat upah yang akhirnya menyebabkan kejatuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang berterusan.





Memahami konsep ini, kerajaan negara membangun berusaha untuk melaksanakan pelbagai rancangan pembangunan yang bertujuan mengekang masalah ini. Selain itu, pelaksanaan program pembangunan ini bukan sahaja bertujuan meningkatkan taraf hidup rakyat malah juga untuk merangsang ekonomi negara agar dapat memacu ke arah pertumbuhan.

Malaysia mempunyai pengalaman yang luas dalam melaksanakan pelbagai rancangan ekonomi yang bermotifkan pembangunan ataupun membasmi kemiskinan. Antaranya ialah Dasar Ekonomi Baru (DEB), Rangka Rancangan Jangka Pendek (RRJP1), Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP2), Dasar Pembangunan Negara (DPN) dan sebagainya. Salah satu tujuan utama bagi setiap rancangan pembangunan ini ialah membasmi atau mengurangkan tahap kemiskinan kumpulan masyarakat tertentu secara khususnya dan rakyat Malaysia secara amnya.

DEB yang dilancarkan oleh kerajaan Malaysia pada tahun 1970 mempunyai dua matlamat utama iaitu; pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat. Dalam usaha pembasmian kemiskinan, kira-kira RM33 bilion telah dibelanjakan sepanjang tempoh tersebut.¹ Beberapa tahun sebelum tempoh DEB tamat, kerajaan telah menyedari bahawa matlamat pembasmian kemiskinan yang ditetapkan pada awalnya agak sukar dicapai pada tahun 1990 jika strategi yang sedia ada terus diguna pakai. Golongan rakyat yang termiskin akan terus wujud dan terpinggir dari manfaat kemajuan ekonomi negara. Setelah DEB tamat pada tahun 1990, terdapat 619,400 isi rumah yang

¹ DEB (1970-1990), melalui pelbagai projek dan strategi yang dijalankan oleh kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang berkaitan (SERU, 1991).





masih berada dalam kelompok miskin dimana 143,000 daripadanya merupakan golongan termiskin yang menerima pendapatan kurang 50 peratus dari Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) (Malaysia, 1991).

Seiring dengan dasar ini, dalam tempoh 25 tahun yang lepas kerajaan negeri Terengganu telah menjalankan pelbagai kajian dan pelaksanaan rancangan kemajuan yang mencorakkan hala tuju pembangunan negeri. Antara kajian tersebut ialah Kajian Pesisir Wilayah Terengganu (1980) yang dijalankan bagi tujuan merangka strategi pembangunan kawasan pesisir pantai negeri Terengganu. Memandangkan kawasan ini tidak termasuk di dalam pelan pembangunan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) yang dibangunkan oleh Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri melihat satu keperluan bagi mereka untuk memberi fokus pada rancangan kemajuan bagi penduduk di kawasan ini. Selain dari kajian tersebut, kerajaan negeri juga telah merangka *Terengganu Master Plan Study (1983)* yang merupakan pelan pembangunan yang komprehensif merangkumi aspek fizikal, ekonomi, sosial dan penyertaan kaum Bumiputera. Kesan dari dapatan kajian-kajian ini, beberapa program pembangunan seperti Rancangan Pembangunan Daerah (RPD), Rancangan Struktur (RS) dan Rancangan Tempatan (RT) telah dilaksanakan pada tahun 2003.

Antara kawasan sasaran bagi rancangan-rancangan pembangunan ini adalah kawasan pesisir pantai Besut, Terengganu. Ini adalah kerana kawasan ini tergolong dalam kawasan yang di lihat sebagai mundur dari segi kemudahan infrastruktur, lambat menerima pemodenan berbanding dengan tanah besar, kedudukan jauh dari pusat bandar





Terengganu dan yang penting kawasan pesisir pantai Besut mempunyai bilangan penduduk yang agak ramai iaitu 141,918 orang (Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu (UPENT), 2005). Selain itu, penduduk di sini juga tidak mempunyai pendapatan yang tetap kerana punca pendapatan utama datangnya dari aktiviti laut.

1.1 LATAR BELAKANG MASALAH

Dalam menikmati pertumbuhan ekonomi yang konsisten, ianya menjadi hasrat kerajaan agar seluruh masyarakat Negeri Terengganu tanpa batasan agama dan latar belakang, dapat menikmati agihan ekonomi yang seimbang serta menambah baik taraf kehidupan mereka. Kerajaan negeri telah mengenalpasti tujuh kumpulan sasaran yang wajar diberi perhatian dalam merealisasikan hasrat agihan pendapatan yang seimbang. Kumpulan-kumpulan tersebut adalah; 1. Ibu tunggal, 2. Orang kelainan upaya, 3. Orang asli, 4. Masyarakat pesisir pantai, 5. Miskin tegar, 6. Anak yatim/pelajar miskin 7. Usahawan kecil. Dari senarai yang diberikan, masyarakat pesisir pantai tidak terkecuali dari senarai sebagai satu kelompok masyarakat yang perlu diberi perhatian. Sehingga saat ini, pelbagai inisiatif telah dibuat oleh pihak kerajaan negeri dengan Jabatan Pembangunan Negeri, dalam merangka program dan perancangan yang strategik untuk meningkatkan keupayaan kelompok masyarakat ini.

Dalam tempoh 2001-2010 ekonomi dunia dijangka berkembang pada kadar 2.3 peratus, manakala ekonomi negara membangun juga dijangka berkembang pada kadar 3.7





peratus. Sungguhpun dilanda krisis ekonomi, pertumbuhan ekonomi Malaysia telah berjaya mencatatkan kenaikan purata 7 peratus setahun bagi tempoh 1991 hingga 2000, sebagaimana sasaran yang ditetapkan di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP2). Pertumbuhan ini dicapai dalam persekitaran kadar inflasi yang rendah, harga yang stabil dan tingkat guna tenaga penuh. Pendapatan per kapita juga telah meningkat pada kadar purata 7.8 peratus setahun atau sekali ganda daripada RM6,298 pada tahun 1990 kepada RM13,359 pada tahun 2000 namun, kewujudan ketidakseimbangan ekonomi dan kewangan yang ketara di antara negeri kaya dan miskin menimbulkan risiko berterusan kepada ekonomi Malaysia. Kekurangan inisiatif yang berterusan untuk mengukuhkan struktur kewangan antarabangsa, terutamanya dari segi pengurangan aliran modal jangka pendek yang bersifat spekulatif, terus menjadi punca ketidakstabilan.



Dasar pembangunan ekonomi Malaysia telah dibentuk berasaskan komitmen kerajaan bagi memastikan manfaat pertumbuhan ekonomi dapat dikongsi secara saksama oleh semua rakyat Malaysia. Komitmen ini dibina atas kesedaran bahawa pengagihan pendapatan yang saksama dan peluang pemilikan kekayaan yang lebih besar adalah penting untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi serta kestabilan sosial dan perpaduan di kalangan penduduk Malaysia.

Sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, negara telah mencapai kemajuan yang membanggakan dalam usaha mengubah struktur ekonomi dan peningkatan taraf hidup rakyat yang dilaksanakan melalui beberapa siri rancangan pembangunan lima tahun. Pencapaian ini adalah lebih ketara lagi semasa tempoh dua puluh tahun di bawah DEB





dengan adanya program-program pembangunan yang dilaksanakan untuk mencapai matlamat membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat bagi menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi. Kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi bersama-sama dengan berkurangnya kadar kemiskinan serta kemajuan dalam penyusunan semula masyarakat telah memperkukuhkan lagi asas negara untuk membangun secara berterusan dan memantapkan lagi perpaduan negara.

Pembangunan ekonomi semenjak tahun 1970 adalah berpandukan strategi pengagihan menerusi pertumbuhan dan objektif serampang dua mata Dasar Ekonomi Baru (DEB), iaitu pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum dan penyusunan semula masyarakat bagi menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi. Kemajuan ke arah memenuhi objektif ini telah dicapai walaupun kejayaan beberapa sasaran masih tidak diperoleh sepenuhnya, kemajuan yang cemerlang telah dicatat dalam usaha mengurangkan kemiskinan mutlak.

Sepertimana diketahui umum, pertumbuhan ekonomi merupakan daya penggerak dalam meningkatkan pendapatan dan taraf hidup rakyat. Kualiti hidup di kawasan luar bandar dan bandar juga telah meningkat. Walau bagaimanapun, dari segi keseimbangan wilayah, tidak banyak kemajuan dicapai dalam mengurangkan jurang pembangunan antara wilayah, negeri serta kawasan luar bandar dengan bandar.²

² Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMK-9)





Secara umumnya, pertumbuhan ekonomi negara telah meningkat dari tahun ke tahun. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh pertambahan dalam hasil keluaran negara dan pendapatan yang diperoleh. Namun hakikatnya, pertumbuhan ekonomi tidak semestinya menjanjikan faedah pertumbuhan yang sekata di antara setiap lapisan masyarakat. Hal ini kerana, masih terdapat lagi sesetengah golongan masyarakat yang mempunyai corak agihan pendapatan yang tidak seimbang terutamanya bagi komuniti di pesisir pantai. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan menumpukan kepada sejauh manakah jurang agihan pendapatan yang tidak seimbang ini mempengaruhi corak perbelanjaan komuniti di kawasan pesisir pantai dan seterusnya mampu menjana pertumbuhan ekonomi. Kajian ini akan melihat kepada corak perbelanjaan isi rumah bagi komuniti pesisir pantai di samping melihat sejauh mana tingkat pendapatan isi rumah



05-4506832 tersebut mempengaruhi corak perbelanjaan mereka.



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Selain itu, kajian juga turut melihat kepada pengaruh kedudukan sosio-demografi kepada setiap tahap perbelanjaan isi rumah di pesisir pantai. Persoalan yang akan di kupas adalah berkenaan dengan pengaruh corak perbelanjaan isi rumah berdasarkan faktor jantina, umur, jenis pekerjaan, tingkat pendidikan dan pemilikan harta secara umum terhadap penawaran barang dan perkhidmatan dalam ekonomi. Seterusnya akan memperlihatkan sejauh mana sumber kekayaan isi rumah mempengaruhi corak perbelanjaan komuniti pesisiran pantai ini. Hal ini disebabkan oleh tahap kebergantungan yang tinggi terhadap industri bersifat sara diri dan menjadi warisan turun-temurun.





Dalam tempoh RMK-8, pertumbuhan ekonomi diunjurkan kukuh dan dapat menjana lebih banyak peluang kepada golongan miskin meningkatkan pendapatan mereka dan seterusnya keluar daripada kemelut kemiskinan yang diwarisi. Program latihan kemahiran dan pendidikan diperluas bagi membolehkan golongan berpendapatan rendah mendapat pekerjaan dalam sektor ekonomi yang lebih produktif dan menguntungkan. Program pembasmian kemiskinan sedia ada seperti Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) akan dipergiat di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) yang bertujuan menangani isu kemiskinan di setiap negeri dan daerah.

1.2 PENYATAAN MASALAH



Secara amnya, pertumbuhan ekonomi merupakan daya penggerak utama dalam usaha meningkatkan pendapatan dan taraf hidup rakyat. Namun begitu, pertumbuhan ekonomi secara bersendiria tidak menjamin pengaliran manfaat pertumbuhan dapat dinikmati secara saksama oleh semua lapisan masyarakat. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8), semua negeri didapati mencapai catatan pertumbuhan ekonomi melalui peningkatan pendapatan isi rumah bulanan purata. Selain itu, indeks yang mengukur tahap kualiti hidup di kawasan luar bandar dan bandar juga didapati telah meningkat. Walau bagaimanapun, dari catatan yang diperoleh, tidak banyak kemajuan dicapai dalam usaha mengurangkan jurang pembangunan antara wilayah, negeri serta kawasan luar bandar dengan bandar.³ Keadaan ini disifatkan umpama pertumbuhan tanpa pembangunan.

³ (Malaysia, 2006)





Kadar kemiskinan di Malaysia telah berkurangan daripada 49.3 peratus dalam tahun 1970 kepada 17.1 peratus dalam tahun 1990 dan berkurangan kepada 7.2 peratus pada tahun 2000 (Unit Perancang Ekonomi, 2005). Sungguhpun kemiskinan mutlak telah banyak berkurangan sejak DEB dan DPN dilaksanakan, tetapi agihan pendapatan antara isi rumah berpendapatan tinggi dan rendah masih jauh berbeza. Hal ini menyebabkan isu ‘kemiskinan relatif’ menjadi keutamaan selepas tahun 1990.

Berdasarkan pengalaman pembangunan di Negara Sedang Membangun (NSM) lain seperti Indonesia, Thailand dan sebagainya, walaupun negara mengalami pertumbuhan ekonomi yang agak tinggi, namun faedah daripada pertumbuhan dan pembangunan tersebut sangat sedikit yang menitis ke bawah untuk sampai kepada golongan miskin dan termiskin. Kesannya, taraf hidup golongan miskin sama ada meningkat sedikit atau kekal ditakuk lama, malah merosot dalam keadaan sebenar. Rata-rata agihan pendapatan semakin tidak setara serta tidak menunjukkan sebarang penambahbaikan yang jelas. Ternyata, pertumbuhan dan pembangunan ekonomi yang pesat tidak menjamin menghapuskan kemiskinan mutlak yang masih berleluasa.

Masyarakat pesisir pantai Besut sering dikaitkan dengan kemiskinan dan kemunduran. Walaupun program pembangunan telah dijalankan seawal tahun 2003, tidak banyak perubahan dari segi taraf hidup dan kemajuan kawasan yang berlaku jika dinilai dari mata kasar. Ini adalah kerana, segolongan besar kelompok masyarakat pesisir pantai masih lagi bergantung kepada aktiviti laut sebagai punca mata pencarian utama bagi menampung kehidupan mereka dan kemiskinan masih lagi membelenggu kehidupan





mereka. Perkara lain yang sering dikaitkan dengan masyarakat ini ialah ketiadaan kemudahan asas yang lengkap menjadikan kawasan-kawasan pesisir pantai agak terasing dari kunjungan orang-orang luar. Keadaan ini menjadikan mereka kelompok masyarakat yang terasing dari arus pembangunan yang berlaku dan terus ketinggalan dari status ekonomi.

Biasanya, corak kehidupan masyarakat pesisiran pantai sangat berhubung rapat dengan sumber-sumber alam semula jadi. Hubungan ini bukan sahaja wujud dalam kehidupan seharian mereka yang berinteraksi dengan alam sekitar bagi memperoleh faedah daripada sumber asli tersebut, bahkan pembangunan kawasan ini pada peringkat awalnya bergantung pada kewujudan sumber-sumber alamnya. Apa yang pasti, tarikan utama dan keistimewaan komuniti ini adalah kerana penempatan mereka berhampiran dengan laut serta pulau yang kaya dengan pelbagai khazanah alam semula jadi. Namun begitu, dari segi ekonomi, pencapaian ekonomi komuniti pesisir pantai masih jauh ketinggalan berbanding masyarakat-masyarakat daerah lain. Perkara ini menjadi tanda tanya kerana kedudukan geografi yang strategik dan di kurniakan dengan pelbagai sumber semula jadi sering dikaitkan sebagai salah satu faktor yang menggalakkan pertumbuhan sesuatu kawasan.

Dalam kes komuniti pesisir pantai, biarpun kawasan yang didiami dikategorikan sebagai kawasan yang dilimpahi dengan pelbagai anugerah alam semula jadi, faktor tersebut masih tidak berupaya membantu mereka menikmati pertumbuhan pesat yang diperkatakan. Selain dari dikaitkan dengan kemiskinan dan kekayaan alam semula jadi,





masyarakat pesisir pantai juga sering dikaitkan dengan program-program bantuan kerajaan. Kemiskinan yang dihadapi oleh masyarakat pesisir pantai sering mendapat perhatian dari pihak kerajaan negeri dan kawasan ini sentiasa terpilih untuk terlibat dalam program-program pembasmian kemiskinan. Walaupun program-program yang dilaksanakan bersifat program jangka pendek atau jangka panjang, sehingga hari ini, komuniti di sini masih lagi dikaitkan dengan taraf hidup yang rendah.

Pelan Tindakan Rancangan Malaysia ke-10 (PTRM-10) mendukung hasrat untuk meningkatkan taraf hidup isi rumah bagi kelompok masyarakat yang berpendapatan 40 peratus terendah, di mana didapati sebahagian besar daripada kumpulan sasaran ini ialah masyarakat pesisir pantai. Selain itu, menurut bancian Unit Terengganu, Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (2009), jumlah kanak-kanak pesisir pantai mewakili 22 peratus daripada keseluruhan penduduk. Disebabkan faktor sosio-ekonomi mereka yang rendah berbagai masalah dari segi kesihatan, pendidikan, sosial dan ekonomi membelenggu kehidupan masyarakat ini dari generasi ke generasi. Maka perhatian yang serius dari ketiga-tiga aspek ini adalah amat penting.

Lanjutan dari permasalahan yang dipaparkan di atas, kajian semasa berhasrat untuk mengkaji isu ini dengan lebih lanjut. Fokus kajian memberi tumpuan khusus pada aspek sosioekonomi masyarakat pesisir pantai Besut, yang sering dikaitkan dengan masalah kemiskinan dan kemunduran. Dalam erti kata lain, kajian ini memberi tumpuan utama kepada perkara-perkara berikut, iaitu; kajian tingkat dan sumber pendapatan masyarakat pesisir pantai, corak dan tingkat perbelanjaan mereka, dan akhir sekali





mengkaji sejauh manakah keberkesanan perlaksanaan program pembangunan kerajaan dan pembasmian kemiskinan kerajaan berjaya mengubah taraf hidup masyarakat pinggir pantai di Besut, Terengganu.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Secara keseluruhannya, objektif kajian bagi penulisan di bahagikan kepada dua;

1.3.1 Objektif Am:



Menilai keberkesanan Program Pembangunan Kerajaan (PPK) yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri Terengganu terhadap masyarakat pesisir pantai Besut.

1.3.2 Objektif Khusus:

- a) Mengenalpasti sumber dan tingkat pendapatan di kalangan penduduk pesisir pantai sebelum dan selepas program pembangunan kerajaan.
- b) Mengenalpasti sumber dan corak perbelanjaan penduduk persisiran pantai sebelum dan selepas rancangan pembangunan kerajaan.





- c) Menilai keberkesanan program pembangunan kerajaan ke atas penduduk pesisir pantai Besut.

1.4 HIPOTESIS KAJIAN

1. Program pembangunan kerajaan mempengaruhi tingkat pendapatan masyarakat pesisir pantai Besut.
2. Program pembangunan kerajaan mempengaruhi corak perbelanjaan masyarakat pesisir pantai Besut.
3. Perlaksanaan program pembangunan kerajaan negeri memberi kesan positif terhadap taraf kehidupan masyarakat pesisir pantai.



1.5 SIGNIFIKASI KAJIAN

Kajian ini adalah signifikan kerana dapatan akhir dapat;

1. Memberi maklumat mengenai sumber-sumber dan tingkat pendapatan penduduk pesisir pantai Besut.
2. Mengenalpasti corak atau polar perbelanjaan penduduk pesisir pantai Besut.





3. Memberi satu garis panduan kepada pembuat dasar status dan tahap keberkesanan program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan dan seterusnya merancang pembentukan polisi pembangunan masa hadapan dengan lebih mantap.

1.6 KEPENTINGAN DAN FAEDAH KAJIAN

Kajian ini memberi faedah kepada pembuat dasar, penyelidik dan masyarakat dalam aspek berikut di mana dapatan kajian dapat;

1. Memperkayakan sumber literatur dari yang sedia ada berkenaan isu kemiskinan dan pembangunan masyarakat pesisir pantai, terutamanya dalam perspektif negeri Terengganu di Malaysia.
2. Menyumbang maklumat terperinci mengenai profil demografi dan status dan prestasi ekonomi masyarakat pesisir pantai di kawasan-kawasan terpilih di negeri Terengganu.
3. Memberi panduan pada pembuat dasar tentang hala tuju yang perlu diambil dalam usaha meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat pesisir pantai.
4. Berupaya dijadikan satu indeks bagi mengukur keberkesanan program-program pembangunan yang dijalankan.





1.7 SKOP DAN LIMITASI KAJIAN

Kajian ini memberi tumpuan kepada sumber dan tingkat pendapatan isi rumah komuniti pesisiran pantai, corak dan tingkat perbelanjaan mereka serta keberkesanan pelaksanaan program pembangunan kerajaan. Tempoh masa data ini bermula dari akhir tahun 2010 sehingga 2011. Antara data yang di kumpul ialah data untuk sumber dan tingkat pendapatan, corak dan tingkat perbelanjaan dan data untuk program pembangunan kerajaan. Kesemua data ini diperoleh melalui borang soal selidik yang dijalankan. Keseluruhannya, kajian ini akan dijalankan di kawasan pesisiran pantai Besut-Jerteh, Terengganu dan tidak melibatkan kawasan-kawasan lain (faktor homogenus). Responden yang dipilih adalah masyarakat setempat yang sudah lama menetap di kawasan Besut-Jerteh. Besut-Jerteh dipilih sebagai tempat kajian kerana bersesuaian dengan objektif kajian selain dapat menghuraikan isu dan persoalan yang telah dibangkitkan di atas.

1.8 SUSUN ATUR BAB KAJIAN

Laporan ini mengandungi enam bab utama. Selepas bab satu disusuli bab dua yang membincangkan tentang latar belakang kajian. Bab ini memperlihatkan latar belakang program pembangunan dan pembasmian kemiskinan yang telah dijalankan oleh kerajaan pusat dan negeri. Perbincangan dipecahkan kepada dua perspektif utama iaitu perspektif am dan perspektif spesifik. Perspektif am meliputi seluruh Malaysia dan perspektif yang lebih spesifik meliputi negeri Terengganu dan kawasan pesisiran pantai. Bahagian yang





seterusnya iaitu bab tiga memperlihatkan tentang kajian-kajian terdahulu yang dijadikan contoh dan petunjuk dalam menyiapkan kertas kerja ini terutamanya teori-teori umum yang berkaitan dengan pembangunan dan kemiskinan. Kemudian bab empat menerangkan tentang method atau kaedah kajian yang akan digunakan di dalam kajian ini.

Keseluruhan kajian menggunakan data primer yang diperoleh melalui instrumen borang soal selidik. Di dalam bab ini juga akan diterangkan mengenai populasi dan sampel, sumber data, instrumen kajian, kajian rintis, pengumpulan data, penganalisan data serta rumusan bagi bab ini. Seterusnya bab lima adalah mengenai laporan atau keputusan kajian. Di dalam bahagian ini, analisis-analisis yang digunakan akan diterangkan satu persatu mengikut objektif kajian yang dijelaskan di dalam bab satu. Bahagian laporan ini akan menjawab persoalan-persoalan yang ditimbulkan di dalam bab sebelum ini sama ada berjaya ataupun tidak terutamanya keberkesanan program pembangunan kerajaan. Akhir sekali bab enam iaitu bahagian yang menerangkan tentang rumusan kajian iaitu rumusan yang dibuat berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh selain cadangan kajian bagi memperkayakan lagi kertas kerja ini.

1.9 RUMUSAN

Secara keseluruhannya, kemiskinan sentiasa wujud dalam masyarakat walaupun pelbagai usaha dan program pembangunan kerajaan dijalankan untuk mengatasinya. Walau





bagaimanapun, kajian ini akan mengupas dengan lebih lanjut tentang sumber dan tingkat pendapatan serta corak dan tingkat perbelanjaan isi rumah bagi komuniti pesisir pantai. Selain itu, pelbagai persoalan yang timbul setelah peninjauan dibuat terhadap isu yang cuba dibincangkan ini. Oleh itu, penyelidik mengambil insentif untuk mengkaji permasalahan yang timbul. Segala persoalan terutamanya berkaitan keberkesanan pelaksanaan program pembangunan kerajaan akan terjawab melalui hasil kajian ini.

